

UMS-Universitas Gajda Mada terokai penyelidikan saintifik



DR KAMARUZAMAN (duduk, kiri) dan Prof Toni Atyanto (duduk, kanan) menandatangani MoU.

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
bhvarsiti@bharian.com.my

Bil 20 / 10 / 2011 7

SLEPAS enam tahun menjalin kerjasama dalam bidang Akademik, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universitas Gajda Mada, Indonesia mengukuhkan hubungan dua hala menerusi pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) baru bagi meluaskan bidang kerjasama yang dijalin sebelum ini.

MoU itu ditandatangani Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon dan Wakil Rektor Universitas Gajda Mada, Prof Dr Toni Atyanto Dharoko mengambil sempena kunjungan Gabenor Daerah Istimewa Yogyakarta, Sri Sultan Hamengku Buwono Kesepuluh di UMS Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Hadir sama Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Bolkiah Ismail; Timbalan Pendaftar UMS, Awang Suhaizam Bungso dan Konsul Jeneral

Indonesia di Sabah, Soepeno Sahid.

Menerusi MoU itu, UMS dan Universitas Gajda Mada akan meneroka bidang kerjasama yang dilihat berpotensi memberi manfaat kepada kedua-dua universiti atau menghasilkan produk yang boleh dipasarkan sehingga ke peringkat global.

Mengulas mengenai MoU itu, Sultan Hamengku Buwono, berkata kerjasama erat antara kedua-dua universiti wajar dimanfaatkan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih bermakna sepertinya penyelidikan saintifik yang boleh digunakan untuk pembangunan ekonomi kedua-dua negara.

"Harus disedari ketika ini kita banyak bergantung kepada dunia luar terutama dari Barat untuk mendapatkan pelbagai barang dan ia secara tidak langsung menjadikan kita kekal sebagai negara pengguna.

"Oleh itu, menerusi MoU ini ada baiknya kita mencari jalan untuk menghasilkan sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada rakyat di kedua negara dan pada masa sama